

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
2020
2½ jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

MODUL ULANG KAJI BERFOKUS SPM 2020

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **empat** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan 2(b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **ciri-ciri remaja bersahsiah tinggi** dan **langkah-langkah ibu bapa membentuk tingkah laku terpuji anak-anak**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sahsiah tinggi merupakan keperibadian, akhlak atau kelakuan terpuji yang sudah sebatи dalam diri seorang individu. Hal ini dapat membezakan setiap individu dengan individu yang lain. Sahsiah terpuji ini juga dapat membantu remaja merancang tindakan apabila berhadapan dengan sesuatu cabaran. Malah, remaja yang bersahsiah terpuji ini ternyata berupaya mencipta kejayaan pada usia muda. Kejayaan-kejayaan remaja itu diperoleh kerana remaja memiliki sikap keterbukaan apabila berhadapan dengan sesuatu masalah atau dalam membuat keputusan. Secara tidak langsung, sikap ini *menyerahkan kematangan akal* dan keperibadian remaja.

Remaja bersahsiah tinggi perlu mengamalkan etika dan berpersonaliti yang luhur. Mereka bukan sahaja perlu mempraktikkan ajaran agama malah tidak kekok melakukan kerja-kerja amal. Namun, sesetengah remaja keliru dan mengalami kecelaruan emosi sehingga melakukan perkara di luar jangkaan seperti memberontak, mengingkari arahan ibu bapa dan tidak mengamalkan ajaran agama. Mereka juga tidak suka melakukan kerja-kerja kebajikan seperti gotong-royong. Selain itu, remaja berakhhlak terpuji perlu sentiasa mengamalkan sikap toleransi dan bertolak ansur kerana kesejahteraan sosial sukar dicapai tanpa sifat sedemikian. Malahan, jati diri yang mapan merupakan kriteria yang tidak boleh dipinggirkan dalam membentuk sahsiah tinggi seseorang remaja agar keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat dapat dikekalkan.

Secara umumnya, remaja hendaklah bersikap kreatif dan inovatif bagi memastikan penglibatan dalam pelbagai bidang sama ada kebudayaan, sukan, kepimpinan dan keusahawanan berupaya menghasilkan inovasi demi kemajuan negara. Sikap berani menetapkan matlamat hidup yang jelas membantu mereka menangani pelbagai bentuk cabaran masa ini termasuklah pengaruh media massa, media sosial dan rakan sebaya. Selain itu, remaja juga berhadapan dengan konflik sama ada dalam keluarga, masyarakat sekeliling atau berkonflik dengan isu semasa.

Usaha pembentukan sahsiah tinggi remaja memerlukan remaja memiliki kecerdasan fizikal dan bersemangat waja. Hal ini amat penting bagi melahirkan remaja yang mampu berdepan dengan dunia hari ini. Seharusnya, remaja yang bersahsiah tinggi belajar bersungguh-sungguh menimba segala ilmu pengetahuan melalui pelbagai wahana secara berterusan. Membaca buku dan melayari Internet secara positif merupakan kaedah yang paling mudah untuk memajukan bangsa dan negara. Remaja merupakan pewaris negara dan negara memerlukan pewaris yang mempunyai sahsiah dan perwatakan terpuji untuk mencorak negara pada masa hadapan.

(Dipetik dan diubah suai daripada
“Sahsiah Remaja Cerminan Masa Hadapan Negara”
Oleh Muhammad Lutfi Zahid Dewan Siswa, Jun 2018)

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyerlahkan kematangan*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan pelbagai bentuk cabaran kehidupan yang perlu ditangani oleh remaja hari ini.
- Nyatakan cabaran-cabaran tersebut. [3 markah]
- (iii) Sesetengah remaja tidak suka melibatkan diri dalam kerja-kerja kebajikan seperti membantu golongan yang tidak berupaya dan warga tua.

Pada pendapat anda, apakah aktiviti-aktiviti yang boleh menarik lebih ramai remaja mengikuti program kebajikan tersebut?

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2 (b) - Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tekanan darah Solehah semakin rendah. Jeritku menyapa kuping Profesor Doktor Juaidi. Dia menoleh.

“Berikan *gelafundin*,” arahnya acuh tak acuh.

“Dia memerlukan darah.” Hatiku pilu tiba-tiba.

“Kandungan *gelafundin* itu seakan-akan darah.” Mata bulat berkening lebat doktor tua itu terjegil. “Paling tidak pun dapat meningkatkan tekanan darah. Sekurang-kurangnya dia tidak mati untuk hari ini.”

Aku tersentap. Tidak berdaya kuangkat muka menentang suara yang menyakitkan hatiku ini. Manusiakah dia?

“Kenapa tidak diberi darah yang tulen? Darah daripada Allah untuk manusia. Itu hak dia.” Terhidu amarahnya, suara kulontarkan dengan selebut yang boleh walaupun hatiku ketara pedih.

“Bank darah sudah kontang, faham?”

“Siapakah perempuan yang sedang koma itu? Bandingkan dengan Tuan Besar Musa. Cari kepentingan mereka. Siapakah yang lebih memerlukan darah?”

Dengan pantas kucapai sebotol *gelafundin*. Titisannya laju meluncur masuk ke salur darah. Tekanan darah meningkat. Siapa sebenarnya yang tidak tulen, Solehah? Manusiakah? Kemanusiaankah? Kutenung wajah Solehah yang koma dan tenang syahdunya.

Dipetik daripada cerpen “Gerhana Manusia”
oleh Aminah Mokhtar
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Mengapa Profesor Doktor Juaidi menyuruh ‘aku’ memberikan *gelafundin* kepada Solehah?
[2 markah]

(ii) Tabung darah di sesebuah hospital sering mengalami masalah kekurangan darah.

Pada pandangan anda, apakah tindakan-tindakan yang wajar dilakukan bagi memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi untuk semua pesakit?

[3 markah]

(iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** persoalan yang lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Berapa lamanya maka Kertala Sari pun sampailah ke Melaka. Maka ia pun singgah di luar kota pada kampung segala Jawa. Maka Kertala Sari pun menyamarkan dirinya kepada segala Jawa yang banyak itu. Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain- main segenap kampung orang kaya-kaya dan saudagar.

Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya. Tatkala itu Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Karma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang demi seorang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka ia pun fikir dalam hatinya, "Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia *penjurit besar lagi kepetangan*.

Setelah sudah ia fikir demikian, maka Kertala Sari pun dilihat pula perihal penghadapan dan tempat orang yang bertunggu raja itu. Setelah dilihatnya ratalah, maka Kertala Sari pun kembali pada tempat singgahnya itu, maka ia pun berjalanlah mencari tempat akan menaruh harta. Maka ia pun pergi ke atas bukit itu. Maka dilihatnya tempat itu terlalu baik menaruh harta. Maka ia pun berjalanlah turun dari Bukit Cina itu.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *penjurit besar lagi kepetangan*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, apakah perkara-perkara yang dilakukan oleh Kertala Sari ketika kembali di tempat persembunyiannya? [3 markah]
- (iii) Kertala Sari menggunakan strategi penyamaran untuk membunuh Laksamana.

Pada pendapat anda, mengapakah Kertala Sari menggunakan strategi tersebut?

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2 (d) – Petikan Puisi Tradisional

Baca petikan gurindam di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

GURINDAM DUA BELAS
(Fasal yang ketiga)

Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memeliharkan tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluarlah fiil yang tidak senonoh.

Anggota tengah hendaklah ingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh (Penyelenggara)

Puisi Melayu Tradisi, 1996

Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Pekan Ilmu Sdn. Bhd.

dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,

Kementerian Pendidikan Malaysia

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

(i) Berdasarkan gurindam tersebut, berikan **dua** kebaikan jika seseorang itu menjaga mata dan telinga. [2 markah]

(ii) Dalam rangkap **kelima**, penyair menyatakan bahawa kegagalan seseorang untuk melawan nafsu makan boleh memudaratkan dirinya.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara-cara untuk membantu seseorang yang mempunyai masalah pengambilan makanan yang berlebihan? [3 markah]

(iii) Huraikan **dua** pengajaran dalam gurindam tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

(30 markah)

Jawab semua soalan

(a) Tulis **satu ayat bagi setiap penjodoh bilangan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) berkas
- (ii) carik
- (iii) hiris
- (iv) kawan
- (v) papan
- (vi) urat

[6 markah]

(b) Baca **ayat-ayat perintah** di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan sama ada ayat tersebut ialah **ayat suruhan, ayat silaan, ayat larangan** atau **ayat pemintaan**.

- (i) “Awak rasa dulu kuih ini,” kata Aminah kepada rakannya.
- (ii) “Usahlah diungkit perkara yang lepas,” pesan ayah kepada abang.
- (iii) “Kamu perlu siapkan latihan ini dengan segera,” kata Cikgu Rosli kepada anak muridnya.
- (iv) “Sudilah berkunjung ke teratak buruk kami,” kata ibu kepada rakannya.
- (v) “Jangan bergerak sebelum diberitahu,” kata ketua pengawas kepada murid-murid di dewan.
- (vi) “Tolong panggil kerani kewangan ke sini,” kata pengurus kepada setiausahaanya.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Doktor di wad kecemasan telah berusaha untuk menyetabilkan kandungan kolesterol dan gula dalam darah pesakit diabetis yang kronik itu.
- (ii) Pada minggu lepas, Penolong Kanan pra universiti sekolah itu telah diraikan dalam majlis pesaraan yang sungguh meriah.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- (ii) Pengantin perempuan itu tidak redha apabila kahwin oleh bapanya dengan lelaki yang bukan pilihannya. [6 markah]
- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Pemberian sedekah umat Islam boleh diserahkan ke Baitulmal supaya masyarakat yang mengalami kesesakan hidup dapat dibantu.
 - (ii) Klinik swasta itu telah mengenakan cas rawatan kesihatan yang tinggi untuk dibayar oleh kami.
 - (iii) Kita harus setia kepada arahan kerajaan supaya tidak menggunakan plastik beg ketika membeli belah di pasar raya.

[6 markah]

- (e) Berikan peribahasa berdasarkan situasi dalam ayat di bawah.

- (i) Murid yang menduduki peperiksaan itu telah berfikir dengan bersunguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah kertas Matematik mereka.
- (ii) Penduduk kampung Hilir berjanji tidak akan membuka aib sesama sendiri supaya kehidupan masyarakat di situ tidak berpecah belah dan hidup aman damai.
- (iii) Pak Ali sentiasa menghormati adat dan peraturan yang digariskan dalam kehidupan bermasyarakat kerana dia berasa yakin bahawa amalan itu merupakan kebaikan yang akan dihitung di akhirat kelak.

[6 markah]

**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji,uraikan tema dalam novel tersebut.
[7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari,uraikan **satu** peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang antara ahli keluarga yang terdapat dalam setiap novel tersebut.
[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT